## KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
## MALAYSIA

---

# PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 1999

---

# BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 1999

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Bantuan Khas Kewangan kepada anggota sektor awam.

**LATAR BELAKANG**

2. Selaras dengan hasrat kerajaan yang sentiasa prihatin terhadap kesejahteraan dan kebajikan anggota sektor awam, Kerajaan telah membuat keputusan memberi Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM600.00 bagi tahun 1999. Bantuan Khas Kewangan ini adalah sebagai satu pemberian ihsan atau bantuan "one-off" untuk tahun 1999 yang bertujuan untuk meringankan bebanan perbelanjaan dan juga sebagai penghargaan Kerajaan terhadap anggota sektor awam yang telah membantu mewujudkan iklim perhubungan industri yang positif, sesuai dengan hasrat memulihkan ekonomi negara.

**PELAKSANAAN**

3. Bantuan Khas Kewangan diberi kepada semua anggota dalam sektor awam yang sedang berkhidmat dalam tempoh Julai hingga Disember 1999 termasuk pemandu yang dilantik oleh anggota Jawatan Utama 'B' dan ke atas serta Gred Khas 'A' yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh Jabatannya.

4. Anggota yang layak akan dibayar RM100.00 sebulan mulai bulan Julai hingga Disember 1999.

5. Anggota yang tidak layak Bantuan Khas Kewangan ini adalah seperti berikut -

a. anggota Jawatan Utama dan Gred Khas atau setaraf;
b. anggota yang digantung kerja;
c. pesara yang sedang menerima pencen dan berkhidmat semula dalam sektor awam;
d. anggota yang berkhidmat di agensi yang diasingkan pengurusan saraannya;
e. anggota yang dipinjamkan ke badan-badan antarabangsa dan syarikat swasta; dan
f. Kakitangan Ambilan Tempatan pejabat perwakilan di luar negeri.

**TARIKH KUATKUASA**

6. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Julai 1999.

**PEMAKAIAN**

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



**(TAN SRI DATO' SAMSUDIN BIN OSMAN)**
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**
**MALAYSIA**
**KUALA LUMPUR**

Tarikh: **18 Jun 1999**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan